



PASCASISWAZAH

UMP tawar bantuan skim penyelidikan pascasiswazah



54

INOVASI

UiTM hasilkan produk 'Aku Patriotik'

VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

Antara peristiwa penting dalam dunia pendidikan tinggi negara sepanjang 2017

→ **Ratusan** belia dan mahasiswa membanjiri Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM).

→ **Enam** UA terpilih menyertai penyelidikan Indeks Syariah Malaysia (ISM) 2017, iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

→ **Lapan** UA dan universiti swasta tempatan mendapat Perakuan Status Swaakreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi membolehkan mereka mengakreditasi sendiri program pengajian di universiti masing-masing. Universiti terbabit ialah UiTM, UUM, UIAM, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Multimedia (MMU).

→ **Perdana** Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dilaporkan sebagai berkata semua UA di Malaysia yang menawarkan kursus perubatan, pergigian dan farmasi akan menawarkan lima peratus tempat kepada pelajar asing mulai pengambilan September tahun ini.

→ **Masyarakat**, khususnya warga kampus, dikejutkan dengan berita dua peserta maut dihempap pokok ketika menjalani aktiviti ikhtiar hidup yang membabitkan 140 pelajar dan empat pensyarah UiTM Kampus Puncak Alam, Selangor, di Air Terjun Lata Charok dekat Janda Baik.

JANUARI

FEBRUARI

MAC

APRIL

MEI

→ **Negara** digemparkan dengan kes pembunuhan pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Pegawai Kadet Laut, Zulfarhan Osman Zulkarnain.
→ **Lima** universiti penyelidikan (RU) Malaysia melakar sejarah apabila memasuki senarai 300 universiti terbaik dunia dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2017-2018, iaitu UM, Universiti Putra Malaysia (UPM), UKM, UTM dan Universiti Sains Malaysia (USM).

→ **Pengumuman** Bajet 2018 yang disifatkan Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai Bajet 'Soaring Upwards' ekoran peningkatan peruntukan sebanyak 13.15 peratus berbanding tahun sebelumnya, membuktikan komitmen kerajaan untuk terus memperkasakan bidang pendidikan tinggi negara.

→ **Kes** membabitkan lima penuntut UPNM yang didakwa membunuh Pegawai Kadet Laut, Zulfarhan Osman Zulkarnain, disebut kali pertama di Mahkamah Tinggi.

→ **Sistem** Penilaian Kualiti Kolej Swasta Malaysia (MyQUEST) 2016/2017 merekodkan peningkatan 27 peratus bilangan kolej swasta meraih penarafan kualiti antara empat hingga enam bintang sejak kali pertama diperkenalkan pada 2011.

NOVEMBER

OKTOBER SEPTEMBER

OGOS

JULAI

→ Mahasiswa meletakkan harapan tinggi agar kepentingan mereka di kampus, prestasi universiti, hal ehwal negara, isu global berkembang positif pada tahun baharu

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Menyambut ketibaan tahun baharu 2018, mahasiswa meletakkan harapan tinggi bukan sahaja agar kepentingan mereka di kampus terus terpelihara secara menyeluruh tetapi juga prestasi universiti dan hal ehwal negara berkembang positif.

Selain itu, mereka tidak ketinggalan prihatin mengenai pelbagai isu semasa global, termasuk berharap belenggu kemiskinan yang mencengkam masyarakat di beberapa

ceruk dunia dapat diatasi segera.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, berkata banyak program kerajaan sepanjang tahun ini membabitkan penyertaan mahasiswa secara langsung bersama kepemimpinan negara.

Tahun depan, beliau berkata, program seumpama itu perlu diterus dan diperbaikakan bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bagi mengeratkan hubungan antara mahasiswa dengan pucuk kepemimpinan negara, sekali gus membolehkan generasi muda itu menyumbangkan pandangan berasa.